




# Muzik tanpa had daripada DiGi

Dengan hanya  
RM5 sebulan  
pelanggan boleh  
muat turun  
koleksi lagu  
di DiGiMusic



Oleh **Ahmad Feisal Othman**  
fsal@bharian.com.my

**D**IGI Telecommunications Sdn Bhd (DiGi) melancarkan perkhidmatan muzik mudah alih dan web muzik tanpa had DiGi sebagai langkah strategik untuk memperkukuhkan penguasaan pasarannya di kalangan pelanggan remaja.

Dengan bayaran RM5, pelanggan DiGi boleh menikmati muat turun tanpa had daripada laman web [www.DiGiMusic.com.my](http://www.DiGiMusic.com.my) dengan pilihan lagu yang banyak daripada dua syarikat muzik terbesar dunia, Universal Music dan Sony Music.

Pelanggan DiGi tidak perlu membayar yuran data. Sebaliknya, mereka hanya perlu melayari dan memuat turun apabila melayari laman web untuk memilih dan berkongsi senarai lagu dengan rakan menerusi khidmat SMS, e-mel dan rangkaian sosial yang lain.

Malah, pelanggan juga boleh mendapatkan kandungan

eksklusif serta sebagai jemputan kepada pengalaman muzik yang unik seperti parti eksklusif dan konsert perdana.

Ketua Bahagian Pemasaran dan Produknya, Albern Murty, berkata pelanggan DiGi yang melanggan untuk perkhidmatan keahlian web tanpa had muzik itu sebelum hujung November ini akan menikmati akses percuma untuk portal perpustakaan muzik bagi tempoh 30 hari pertama.

Katanya, pelanggan yang menjadi ahli perkhidmatan itu juga akan menikmati muzik digital berkualiti dalam format fail Windows Media Audio (WMA) sehingga 256kbps.

Beliau berkata, senarai muzik tanpa henti yang boleh dimuat turun adalah Pengurusan Hak Digital (DRM) atau ciri perlindungan harta intelek.

"Malah, pelanggan juga boleh muat turun lima lagu tambahan lagu percuma

DRM setiap bulan dan ia boleh dipindahkan ke peranti lain atau dikongsi menerusi rangkaian Bluetooth dengan kawan mereka," katanya pada sedia media sempena pelancaran perkhidmatan muzik berkenaan di Petaling Jaya, Selangor, kelmarin.

Hadir sama Ketua Bahagian Pemasaran DiGi, Koay Chee Keong; Naib Presiden Kanan Asean dan Naib Presiden Universal Music Group International, Sandy Monteiro; dan Pengarah Urusan Sony Music Malaysia, Adrian Lim.

Untuk mendaftar bagi perkhidmatan web muzik tanpa had DiGi, pelanggan boleh menghantar SMS ke talian 2000, atau untuk maklumat lanjut, layari [www.DiGiMusic.com.my](http://www.DiGiMusic.com.my).

Murty berkata, pihaknya menasarkankan untuk menguasai satu pertiga daripada segmen pelanggan remaja perkhidmatan mudah di negara ini secepat mungkin menerusi pengenalan perkhid-

matan muzik mudah alih dan web muzik tanpa had DiGi.

DiGi ketika ini menguasai kira-kira 27 peratus pasaran pelanggan remaja untuk perkhidmatan mudah alih dan perkhidmatan baru yang ditawarkan kepada pelanggannya dengan bayaran RM5. Ia adalah yang pertama seumpamanya diperkenalkan di negara ini.

"Dengan lebih 50 peratus penduduk negara ini adalah remaja, segmen ini adalah amat penting dan pasaran yang berkembang buat DiGi," katanya





“Pelanggan juga boleh muat turun lima lagu tambahan lagu percuma DRM setiap bulan dan ia boleh dipindahkan ke peranti lain atau dikongsi menerusi rangkaian Bluetooth dengan kawan mereka”

**Albern Murty**  
Ketua Bahagian Pemasaran dan Produk  
DiGi Telecommunications Sdn Bhd



DARI kiri, Lim, Murty, Koay dan Monteiro pada majlis pelancaran perkhidmatan muzik mudah alih dan web muzik tanpa had DiGi di Petaling Jaya, kelmarin.



KAKITANGAN DiGi Telecommunications bergambar sempena pelancaran perkhidmatan muzik mudah alih dan web muzik tanpa had DiGi di Petaling Jaya, kelmarin.